

# Bajet 2008 fokus pekerja makan gaji

um -

16/5/2007

KUALA LUMPUR 15 Mei - Bajet 2008 yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat tidak lama lagi bertumpu kepada kepentingan rakyat yang 'makan gaji' bagi memastikan golongan itu tidak dibebani dengan kenaikan harga barangan.

Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop berkata, dalam bajet itu kerajaan turut memberi perhatian terhadap usaha untuk membendung kenaikan harga barangan.

"Kita bersetuju untuk memberi 100 peratus fokus terhadap golongan pekerja yang 'makan gaji'. Kita akan memastikan mereka tidak terjejas dengan kenaikan harga barangan.

"Yang penting mereka perlu diberi peluang untuk menikmati harga barangan yang tidak membebankan," katanya ketika menggulung perbincangan titah ucapan diraja peringkat kementerianannya pada persidangan Dewan Negara, hari ini.

Menurut Nor Mohamed, kerajaan juga mengambil kira kepentingan golongan pekerja dengan menyediakan kemudahan pengangkutan awam yang selesa, murah dan cekap untuk mereka.

Mengenai pendidikan, beliau berkata, kerajaan akan memastikan rakyat diberi peluang untuk menimba ilmu pengetahuan tanpa mengira kaum dengan mudah tanpa adanya kekangan pembiayaan.

Selain itu, Nor Mohamed berkata, kerajaan juga akan memberi tumpuan terhadap isu kemiskinan tegar.

"Kita akan pastikan usaha-usaha yang hebat dilakukan ba-

gi merapatkan jurang di antara kawasan bandar dan luar bandar," ujarnya.

Sementara itu, beliau berkata, kerajaan juga sedang mengadakan perbincangan dengan agensi penarafan antarabangsa seperti Moody's dan Standard and Poor mengenai penilaian mereka terhadap ekonomi negara ini.

Kata Nor Mohamed, penarafan ekonomi yang diberi kepada Malaysia ketika ini adalah 'A Minus'.

Tambahnya, ekonomi negara kukuh dengan mempunyai Rizab sebanyak AS\$92 bilion, akaun perdagangan mencatat lebihan selama 111 bulan berturut-turut manakala kadar inflasi pada Mac lalu hanya sekitar 1.5 peratus.

"Mengambil kira semua perkara ini, kita sedang berbincang dengan agensi penarafan antarabangsa supaya Malaysia seharusnya diberi penarafan 'A Plus'," katanya.

Menurut Nor Mohamed, negara juga telah memperkukuhkan sistem institusi kewangan di samping mempelbagaikan ekonomi dan eksport serta tidak bergantung kepada sumber luar negara.

Tambahnya, mengambil kira semua faktor itu, beliau yakin krisis ekonomi yang melanda negara pada tahun 1997 dan 1998 tidak akan berulang.

Mengenai penggunaan kereta nasional oleh pegawai kanan syarikat milik kerajaan (GLC), Nor Mohamed berkata, beliau bersetuju dengan perkara itu.

"Menteri-Menteri pun pakai kereta nasional juga. Ini juga merupakan nasihat dan arahan," katanya.